

KERANGKA PENUBUHAN INSTITUSI PENDIDIKAN MELALUI PEMBIAYAAN DANA ZAKAT

Azman Ab Rahman¹, Zahari Mahad Musa², Nor Asiah Yaakub³ and Siti Martiah Anwar⁴

^{1,2,3}*Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800, Negeri Sembilan Malaysia.*

⁴*Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800, Negeri Sembilan Malaysia.*

¹azman@usim.edu.my; ²zahari@usim.edu.my; ³norasiah@usim.edu.my;

⁴martiahanwar@gmail.com

ABSTRACT

Education is a basic need for all people and to ensure this, it needs continuous financial allocation. Some of them do not receive an education because of poverty and lack financial restraints. The poor and needy only relied on education alms in order to pay the fees and any education aids. The purpose of this research is to recognise education institution that operated fully based on zakat funding. Nevertheless, it also to evaluate schemes and zakat financial aids given to the poor and needy. Therefore, this research will suggest to establish an education institution model based on zakat funding. This research was undertaken using a qualitative method by collecting data based on library research and reports from Baitulmal, Majlis Agama Islam and Pusat Zakat in Malaysia. As a result of these findings, this research points to establish an education institution model through the zakat funding. This is because zakat funding plays a continuous roles and it increases year by year.

Keywords: zakat; education; Malaysia.

ABSTRAK

Pendidikan merupakan keperluan asas bagi setiap insan dan untuk memenuhi keperluan ini ia memerlukan kewangan yang berterusan. Terdapat beberapa golongan yang kurang bernasib baik dari segi kewangan untuk meneruskan pelajaran seperti golongan asnaf fakir dan miskin yang hanya bergantung harap kepada zakat pendidikan untuk melunaskan yuran persekolahan dan mendapatkan bantuan persekolahan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti institusi pendidikan yang beroperasi sepenuhnya menggunakan dana zakat, menilai skim dan bentuk bantuan zakat yang diberikan kepada fakir dan miskin oleh institusi zakat serta mencadangkan satu model institusi pendidikan yang beroperasi sepenuhnya melalui pembiayaan dana zakat. Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan secara kualitatif iaitu mengumpulkan data melalui kajian perpustakaan dengan merujuk laporan dan dokumen dari unit Baitulmal, Majlis Agama Islam dan Pusat Zakat di Malaysia. Hasil kajian ini mencadangkan bahawa satu kerangka atau model institusi

pendidikan melalui pembiayaan dana zakat sepenuhnya dapat dibangunkan memandangkan peranan dan sumber dana zakat adalah lebih berterusan dan meningkat dari tahun ke tahun.

Kata kunci: zakat; pendidikan; Malaysia.

1. PENDAHULUAN

Zakat merupakan satu ibadah utama dan tonggak kewangan serta jaminan sosial dalam Islam. Ia telah disebutkan dalam Al-Quran dan Hadis. Zakat diberikan kepada lapan golongan asnaf iaitu kepada golongan fakir, miskin, mualaf, *fisabilillah*, *ibnu sabil*, *riqab*, *gharimin* dan *amil* seiring dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk memerdekakan hamba sahaya, untuk membebaskan orang yang berhutang, untuk yang berada di jalan Allah dan untuk orang yang sedang di dalam perjalanan sebagai kewajiban dari Allah. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana” (Surah al-Tawbah: 60).

Bantuan zakat dari segi pendidikan disalurkan kepada golongan asnaf adalah bertepatan dengan tuntutan syarak yang mementingkan umat Islam supaya gigih menuntut ilmu tidak kira kaya atau miskin seperti hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

Menuntut ilmu adalah kewajipan bagi setiap orang Islam (Ibn Majah, Bab: fadl al-ulama w al-hath ‘ala dalab al-‘ilm, no: 224)

Golongan fakir dan miskin atau golongan asnaf ini juga berhak untuk menuntut ilmu walaupun mengalami masalah dari segi kewangan untuk membayar yuran persekolahan dan pengajian. Maka, kewujudan satu institusi khas yang beroperasi sepenuhnya menggunakan dana zakat untuk memberikan pendidikan berterusan kepada golongan asnaf dengan cara yang profesional dapat membuka era baharu dalam pengurusan dan pengagihan zakat oleh pusat zakat dan juga memberikan sinar baharu kepada golongan asnaf.

Objektif utama artikel ini ialah untuk mengenalpasti institusi pendidikan yang beroperasi sepenuhnya menggunakan dana zakat. Di samping itu, artikel ini menilai skim dan bentuk bantuan zakat yang diberikan kepada fakir dan miskin oleh institusi zakat di semua negeri di Malaysia. Artikel ini turut mencadangkan satu kerangka asas berkaitan model institusi pendidikan yang beroperasi sepenuhnya melalui pembiayaan dana zakat. Model yang dicadangkan menjadi satu transformasi baharu dalam sistem pengurusan zakat di Malaysia.

2. PENYATAAN MASALAH

Pendidikan merupakan tiket penting dalam mengubah kehidupan golongan asnaf fakir. Pendidikan dan pembelajaran yang berterusan di setiap peringkat sekolah rendah, menengah, pengajian tinggi sehingga berjaya dapat membuka peluang pekerjaan yang cerah dan menjamin masa depan yang baik. Kerjaya yang baik hasil daripada pendidikan yang berterusan dapat mengeluarkan golongan asnaf fakir daripada kepompong kefakiran dan kemiskinan.

Kerajaan Malaysia telah memberikan peruntukan yang besar dalam pendidikan dari tahun ke tahun. Sebagai contoh, kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak 36 billion pada tahun 2012 dan 38.7 billion pada tahun 2013. Jumlah peruntukan ini dilihat terus meningkat terutamanya pada tahun 2014 ini iaitu sebanyak 54.6 billion kepada Kementerian Pendidikan. Ini membuktikan bahawa pendidikan menjadi sandaran utama dalam membangunkan negara (Bernama, 2013). Walaupun kerajaan telah memperuntukkan dana yang besar dalam pendidikan rakyat Malaysia, tetapi ia tidak memfokuskan kepada golongan asnaf yang seharusnya lebih diberi perhatian supaya mereka dapat keluar daripada kepompong kemiskinan dan merubah kehidupan yang lebih baik.

Walaupun peruntukan yang besar telah diberikan, namun isu keciciran masih turut dilaporkan. Terdapat beberapa kes melibatkan golongan fakir dan miskin yang berhenti sekolah dan tidak dapat meneruskan persekolahan disebabkan oleh masalah kewangan direkodkan dan mendapat liputan yang meluas oleh pihak media. Sebagai contoh, seorang anak sulung daripada lima beradik di Kuantan, Pahang iaitu Mohd Abu Khir Abu Bakar yang merupakan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Abu Bakar tidak dapat meneruskan pelajaran kerana gagal menjelaskan yuran Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Manakala dua adiknya yang lain sering tidak menghadiri diri ke sekolah kerana malu dengan rakan-rakan bahawa mereka adalah orang miskin (Sinar Harian, 2013).

Justeru itu, dana zakat pendidikan turut membantu kerajaan Malaysia dalam menangani masalah pendidikan di kalangan fakir dan miskin. Sebagai contoh, sebanyak RM35,545,304.00 telah diperuntukkan dan dibelanjakan pada tahun 2012 oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan kepada seramai 28,696 orang penerima (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2013). Manakala di negeri Johor, sebanyak RM11,250,000.00 dana zakat pendidikan diberikan kepada 3087 orang pelajar. Ini jelas menunjukkan bahawa dana zakat turut memperuntukkan dana yang sangat besar dalam pendidikan negara (Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2014).

Bantuan zakat pendidikan dapat menyuntik kesedaran dan semangat ingin berjaya setelah melihat asnaf fakir lain yang berjaya keluar daripada belunggu kefakiran dan kesusahan hidup. Bantuan zakat pendidikan seharusnya dapat mengubah mentaliti dan persepsi golongan fakir untuk tidak terus mewarisi kehidupan sebagai fakir kepada generasi yang seterusnya. Asnaf fakir yang berjaya menjadi model dan sumber ikutan yang berkesan kepada asnaf fakir yang lain dalam memberi kesedaran untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik. Di samping itu, asnaf fakir perlu memanfaatkan bantuan yang diberikan dan tidak mensia-siakan peluang yang ada sebaliknya membuktikan kepada masyarakat yang mereka juga layak dan berhak untuk berubah dan berjaya.

3. METODE KAJIAN

Penyelidik bagi kajian ini memilih untuk menggunakan kaedah kajian secara kualitatif. Penyelidikan secara kualitatif ini bertujuan untuk memahami secara mendalam fenomena berkaitan persoalan kajian. Metode penyelidikan secara kualitatif ini juga bertujuan untuk meneroka penyelidikan sarjana berkaitan konsep zakat di Malaysia, skim dan bentuk bantuan zakat yang diberikan oleh institusi zakat di Malaysia kepada golongan asnaf zakat dan juga model institusi pendidikan melalui pembiayaan dana zakat.

Pengumpulan data dalam kaedah kualitatif adalah melalui kajian perpustakaan Manakala metode analisis data menggunakan kaedah induktif. Kajian ini menggunakan laporan dan dokumen daripada unit Baitulmal, Majlis Agama Islam dan Pusat Zakat di Malaysia.

3.1 Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data dalam penyelidikan ini adalah berbentuk kajian perpustakaan (*library research*). Data melalui kaedah ini diperolehi dengan melakukan kajian ke atas rekod dan dokumen-dokumen bertulis. Antara bahan atau dokumen dan rekod yang dirujuk adalah bahan bacaan yang berkaitan dengan zakat, kajian-kajian lepas, dalil daripada al-Quran dan Hadis, laporan institusi zakat, monograf dan sebagainya. Data yang diperolehi daripada sumber-sumber yang dinyatakan di atas dikaji semula dan menjadi panduan kepada pembinaan model institusi pendidikan melalui pembiayaan dana zakat.

3.2 Metode Analisis Data

Dalam menganalisis data, penyelidik secara umumnya menggunakan metode analisis deskriptif kualitatif iaitu dengan menilai mutu dan kesahihan data tersebut. Untuk menilai mutu dan kesahihan data ini adalah dengan menggunakan kaedah induktif. Metode ini adalah satu kaedah untuk menganalisa data yang terhasil melalui teori-teori dan pemikiran yang ada iaitu membuat kesimpulan yang bersifat khusus. Berdasarkan kaedah ini juga, maklumat yang diperolehi ini digunakan untuk menganalisa operasi model institusi pendidikan melalui pembiayaan dana zakat.

4. SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan kajian awal, institusi zakat negeri-negeri dan unit baitulmal di bawah Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia mempunyai skim dan bentuk bantuan atau sumbangan pendidikan kepada golongan asnaf. Kajian Abd Halim dan Mohd Saladin (2011) menerangkan kaedah yang dilaksanakan dalam mengelola dana zakat yang telah dikumpul supaya dapat diagihkan kepada asnaf yang berhak. Memandangkan peningkatan prestasi kutipan zakat semakin meningkat maka pengagihan seharusnya meningkat sama supaya dapat mengurangkan bilangan yang tidak berkemampuan. Kajian ini mendapati bentuk bantuan kepada asnaf perlu dimantapkan lagi terutamanya dari segi pengagihan pendidikan. Ini kerana bantuan berterusan dari segi pendidikan kepada golongan asnaf sehingga mereka berjaya adalah sangat penting, ia dapat mengubah kehidupan dan meningkatkan lagi ekonomi negara.

Rahman dan Makhtar (2011) membincangkan tentang hukum pengagihan zakat kepada pelajar berdasarkan pandangan ulama dulu dan kini. Kajian ini mendapati wujud dakwaan daripada pelajar yang menyatakan kesukaran dalam mendapatkan bantuan zakat dari institusi yang berkaitan. Kajian ini juga mendapati antara faktor yang menyebabkan pelajar tidak dapat biasiswa zakat adalah kerana tidak memenuhi syarat kelayakan yang perlu dipenuhi sebelum membuat permohonan.

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) (2008) menerangkan tentang bentuk bantuan dan skim pendidikan yang diberikan kepada golongan asnaf seperti skim bantuan pelajaran, skim bantuan Am pelajaran/dermasiswa, skim bantuan yuran persekolahan dan peperiksaan sekolah rendah/menengah, skim bantuan aktiviti dan lawatan belajar. Tujuan skim seperti ini

diwujudkan adalah untuk memberi bantuan pelajaran kepada anak golongan asnaf supaya tidak tercicir dalam pelajaran serta dapat memperbaiki taraf hidup keluarga.

Manakala Tamuri, Mahmud, dan Bari (2005) telah membuat satu tinjauan untuk mengkaji permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar daripada golongan fakir miskin di negeri Selangor, khususnya di daerah Sabak Bernam. Pelajar yang terlibat adalah terdiri daripada 19 pelajar yang tinggal di tiga buah Desa Kasih Pusat Zakat Selangor dan 23 orang pelajar yang tinggal di luar Desa Kasih. Dapatan kajian menunjukkan pelajar-pelajar fakir miskin dalam kajian ini mempamerkan aspirasi yang sihat, serta nilai yang positif walaupun mereka menghadapi masalah kewangan. Aspek yang ketara menjadi penghalang kepada aspirasi pelajar-pelajar miskin ini adalah cara gaya hidup mereka seperti menonton televisyen secara berlebihan, berbual kosong, peruntukan masa yang sangat sedikit bagi mengulang-kaji, menyiapkan kerja rumah, ataupun membaca bacaan berunsur akademik, kerohanian, dan pengetahuan am.

Kajian yang dijalankan di negeri Selangor oleh Azman (2010) turut menerangkan bentuk bantuan pendidikan yang diberikan kepada golongan asnaf iaitu seperti bantuan pelajaran di dalam dan luar negara, bantuan menghafaz al-Quran, bantuan persediaan persekolahan seperti pakaian, alat tulis dan keperluan harian persekolahan dan juga program dakwah yang dapat meningkatkan ilmu pengetahuan.

Hasil penelitian yang dibuat oleh penyelidik di institusi pendidikan di Malaysia, masih belum terdapat lagi satu institusi pendidikan yang dilaksanakan dengan menggunakan sepenuhnya dana zakat. Penyelidik juga berpendapat bahawa usaha untuk menubuhkan satu institusi pendidikan sepenuhnya melalui dana zakat adalah tidak mustahil untuk direalisasikan pada masa akan datang demi menjaga kebajikan asnaf.

5. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini menganalisa skim dan bentuk bantuan zakat pendidikan yang diberikan kepada golongan asnaf zakat di seluruh negeri di Malaysia. Ia sangat signifikan dalam mencadangkan satu bentuk agihan berpusat melalui penubuhan satu institusi pendidikan kepada asnaf terutama golongan fakir dan miskin. Satu cadangan kerangka model institusi pendidikan yang baharu sebagai platform agihan zakat yang berpusat untuk jangka masa yang panjang.

5.1 Analisis Skim dan Bantuan Pendidikan kepada Asnaf Fakir dan Miskin

Pusat Zakat dan unit baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri di 14 buah negeri di Malaysia telah memperuntukkan sejumlah peruntukan dalam bentuk bantuan zakat pendidikan kepada golongan asnaf berdasarkan Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Jenis Skim dan Bentuk Bantuan Pendidikan oleh Institusi Zakat di Malaysia

Bil	Negeri	Skim dan bentuk bantuan pendidikan	Asnaf
1	Selangor	Keperluan Pendidikan, Bantuan Yuran Sekolah Rendah dan Menengah, Basiswa Pelajaran, Elaun Kehadiran Kelas Agama Asas, Dermasiswa, Bantuan Umum Pelajaran, Elaun Guru Kafa, Bantuan Umum Pelajaran	Fakir dan Miskin, <i>Mualaf</i> , <i>Fisabilillah</i>

		Dalam dan Luar Negara, Dermasiswa Pelajar Belajar di Timur Tengah, Dermasiswa Hufaz Quran.	
2	Negeri Sembilan	Pinjaman dan bantuan zakat pelajar Timur Tengah tajaan MAINS kali ke-2 dan bantuan perkapita Sekolah SMAN, SABK, SAR, KAFA, Tahfiz dan Tadika Islam Tahun 2013 di Royale Bintang, Seremban.	Fakir dan Miskin, <i>Fisabilillah</i>
3	Johor	Skim Bantuan Pelajaran, Skim Bantuan Pendidikan Pendaftaran IPTA, Skim Bantuan Awal Tahun Persekolahan (Pakaian Seragam), Skim Bantuan Basikal Pelajar, Skim Bantuan Cermin Mata, Skim Bantuan Pendidikan di Universiti, Skim Bantuan Pembiayaan Tambang Ke Pusat Pengajian, Skim Pinjaman Pengajian.	Fakir dan Miskin
4	Kelantan	Bantuan Persekolahan, Bantuan Melanjutkan Pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Tempatan (IPT), Basiswa Kecil Pelajar Yayasan Islam Kelantan (YIK), Bantuan Kepada Sekolah Pondok, Basiswa Tengku Anis.	Fakir dan Miskin
5	Terengganu	Bantuan Persekolahan, Skim Bantuan Dermasiswa (IPTA/IPTS), Skim Bantuan Pondok/Madrasah.	Fakir dan Miskin
6	Kuala Lumpur	Bantuan Tambang Dalam/ Luar Negeri, Bantuan Am Pelajaran IPT, Bantuan Pelajar Institut Profesional Baitulmal (IPB), Basiswa Baitulmal/Insentif Khas Pelajar Cemerlang, Bantuan Peralatan dan Kecemasan Persekolahan, Bantuan Tuisyen, Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran, Bantuan Pelajaran Kolej Kejururawatan PUSRAWI, Bantuan Persediaan IPT.	Fakir dan Miskin
7	Perlis	Bantuan Pakaian Sekolah, Bantuan Persekolahan Menengah dan Rendah, Bantuan Sekolah, bantuan Pelajaran, Bantuan Pelajaran Timur Tengah, Bantuan Sekolah dan Institusi Agama.	Fakir dan Miskin
8	Pulau Pinang	Bantuan Pendidikan, Persekolahan, Pakaian Seragam, Permulaan ke IPT Dalam dan Luar Negara, Basiswa Kecil Sekolah Agama Rakyat, Pendidikan Khusus Kecemerlangan Minda, Kelas Persediaan Belajar, Bantuan Yuran Sekolah Rendah/Menengah, Bantuan Keperluan Pendidikan.	Fakir dan Miskin
9	Sarawak	Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi, Bantuan Pengajian Sekolah Rendah/Menengah, Yuran/Kelengkapan Persekolahan, Bantuan Pengajian ke Timur Tengah, Bantuan Pengajian IPT Bidang Agama, Bantuan Pengajian Sekolah Agama/Arab, Bantuan Pengajian Maahad Tahfiz Al-Quran, Bantuan Kertas Kerja Projek (Tesis).	Fakir dan Miskin, <i>Fisabilillah</i>
10	Kedah	Bantuan Yuran Peperiksaan Penuntut Miskin Sekolah Agama Nidzomi, Bantuan Penuntut Miskin Sekolah Agama Nidzomi, Bantuan Persekolahan Bulanan, Bantuan Persekolahan Sekaligus Penuntut Miskin, Bantuan Pakaian Seragam Sekolah Penuntut Miskin, Bantuan	Fakir dan Miskin

		Penuntut Miskin Maktab Mahmud, Bantuan Yuran Penuh Ke IPT Tempatan Penuntut Miskin.	
11	Melaka	Bantuan Kelas Tuisyen dan Motivasi Pelajar, Pembiayaan Pinjaman Biasiswa Pengajian Tinggi Islam, Bantuan Yuran Persekolahan.	Fakir dan Miskin
12	Sabah	Bantuan tiket penerbangan (Pendidikan) IPTA/IPTS dalam dan luar negara terpilih, bantuan yuran pendaftaran (IPTA/IPTS) dalam negara, bantuan dermasiswa-matrikulasi/asasi, bantuan dermasiswa-sijil/maahad tahfiz/sekolah pondok (tahfiz), bantuan dermasiswa-diploma dalam negeri (IPTA/IPTS), bantuan dermasiswa-ijazah pertama dalam negeri (IPTA/IPTS), bantuan dermasiswa- tamhidi dan ijazah pertama bidang keagamaan (mesir), bantuan dermasiswa- ijazah pertama bidang keagamaan (Jordan), bantuan dermasiswa-ijazah perubatan, pergigian dan farmasi (Mesir), bantuan dermasiswa- ijazah perubatan (Jordan), bantuan dermasiswa-ijazah pertama bidang keagamaan (Indonesia), bantuan dermasiswa- ijazah pertama bidang perubatan (Indonesia), bantuan dermasiswa- ijazah pertama bidang keagamaan (Morocco), bantuan dermasiswa- politeknik, UiTM (Diploma), bantuan dermasiswa-ILD, IKMAS (Sijil), bantuan dermasiswa-ILD, IKMAS (Diploma), bantuan dermasiswa-IDIP, PERKIM (Sijil), bantuan dermasiswa-IDIP, PERKIM (Diploma), bantuan khas pendidikan, bantuan bayaran kelas tuisyen, bantuan seminar motivasi pelajar dan bantuan insentif/anugerah pelajar cemerlang.	Fakir dan Miskin, <i>Fisabilillah</i>
13	Perak	Skim Pembangunan Pendidikan	Fakir dan Miskin
14	Pahang	Bantuan pendidikan sempurna anak asnaf fakir	Fakir dan Miskin

Sumber: Laporan dan dokumen Baitulmal, Majlis Agama Islam dan Pusat Zakat Negeri-negeri di Malaysia

Berdasarkan jadual 1 di atas, skim bantuan zakat pendidikan negeri Sabah dilihat lebih menyeluruh dan merangkumi pelbagai aspek dan keperluan asnaf dalam pendidikan. Walaubagaimanapun, terdapat juga beberapa aspek pendidikan lain yang turut membantu golongan asnaf dalam pelajaran seperti yang diberikan oleh negeri Johor dalam memberi bantuan pendidikan melalui skim bantuan basikal pelajar dan skim bantuan cermin mata (Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2014).

Manakala di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Laporan Zakat Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2013), skim dan bantuan turut diberikan kepada pelajar kejururawatan melalui bantuan pelajaran kolej kejururawatan PUSRAWI. Skim ini merupakan satu-satunya skim yang agak berbeza dengan skim dan bantuan pendidikan yang ditawarkan kepada golongan asnaf zakat. Skim dan bantuan zakat pendidikan di negeri-negeri yang lain adalah tidak jauh berbeza antara satu sama lain.

Berdasarkan kepada perbincangan dan penelitian yang telah dibuat, dapatlah dirumuskan bahawa institusi zakat di Malaysia memainkan peranan yang sangat penting dalam memacu kegemilangan pendidikan golongan asnaf fakir dan miskin di Malaysia menerusi kepelbagaian bentuk, skim dan bantuan zakat pendidikan yang telah disediakan sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi. Peruntukan yang besar telah dibuat dalam skim pendidikan bagi menjaga kebajikan asnaf. Sebagai contoh, jumlah peruntukan yang dibuat oleh Wilayah Persekutuan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Skim Bantuan Zakat untuk Pendidikan di Wilayah Persekutuan

Program Pembangunan Pendidikan	Skim Dan Bentuk Bantuan	Jumlah Peruntukan RM (Juta)	Jumlah Keseluruhan RM (Juta)
Wilayah Persekutuan	Bantuan Am Persekolahan	13,110,432.00	58,909,790.73
	Bantuan Am Pelajaran IPT	17,822,610.00	
	Bantuan Peralatan dan Kecemasan Persekolahan	4,457,936.40	
	Bantuan Biasiswa Pelajar Cemerlang Dalam Dan Luar Negara	4,430,268.65	
	Bantuan Persediaan IPT	2,152,021.91	
	Bantuan Tuisyen	44,059.14	
	Bantuan Pelajar Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI (PICOMS)	5,457,000.00	
	Bantuan Pelajar IPB	11,435,462.63	

Sumber: Laporan Zakat Tahunan MAIWP (2013)

5.2 Cadangan Model Institusi Pendidikan melalui Pembiayaan Dana Zakat

Kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa tiada satu model institusi pendidikan yang beroperasi sepenuhnya menggunakan dana zakat di setiap negeri di Malaysia. Tetapi amalan dan pendekatan yang dilakukan pada masa kini lebih bersifat agihan dana secara berterusan kepada institusi pendidikan. Inovasi ini perlu dilakukan bagi memastikan dana zakat yang disalurkan menepati objektif syariah dalam memastikan golongan asnaf tidak tercicir dalam bidang pendidikan disamping menitikberatkan aspek pemantauan pendidikan secara berterusan. Maka kajian ini bertujuan membentuk satu model institusi pendidikan berteraskan pembiayaan dana zakat sepenuhnya berpandukan kepada prosedur dan peruntukan penubuhan sebuah sekolah swasta dan kolej di Malaysia.

Cadangan awal model institusi pendidikan ini adalah berasaskan kepada Panduan Am Penubuhan Sekolah Antarabangsa Institusi Pendidikan Swasta (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015) dengan melakukan beberapa perubahan dan pindaan. Tiga domain utama menjadi kerangka asas penubuhan institusi tersebut iaitu; pembangunan fasiliti, modal insan dan struktur pengajian. Kerangka model yang dicadangkan adalah sebagaimana dalam Rajah 1.



Rajah 1: Model Institusi Pendidikan Melalui Pembiayaan Dana Zakat

5.2.1 Domain I: Pembangunan Fasiliti

Domain ini menjelaskan kerangka fizikal institusi yang dibangunkan. Ia terdiri daripada latarbelakang, konsep dan rasional penubuhan sebagai cadangan asas penubuhan. Institusi pendidikan ini ditubuhkan sepenuhnya melalui pembiayaan dana zakat. Ia ditubuhkan di bawah Akta Pendidikan 1996 khusus untuk golongan asnaf yang terdiri daripada golongan fakir dan miskin di seluruh Malaysia. Penubuhan institusi pendidikan ini untuk memastikan asnaf fakir dan miskin tidak tercicir dalam sistem pendidikan Malaysia. Dengan tertubuhnya institusi pendidikan ini secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada mereka untuk belajar dan mengubah nasib mereka pada satu hari nanti.

Lokasi yang dicadangkan adalah di Malaysia (pemilihan tempat yang strategik mengikut keperluan dan kelulusan pihak berkuasa tempatan). Pembangunan yang akan dilakukan adalah dengan meletakkan institusi tersebut di tempat yang strategik bagi memudahkan ilmu dan kemudahan yang bakal disediakan mudah untuk diperolehi. Institusi tersebut perlulah menjadi pusat bagi mengurangkan pelajar yang tidak dapat menimba ilmu pengetahuan disebabkan tidak berkemampuan. Pelajar yang berpotensi dan berwawasan perlulah didahulukan supaya pada suatu hari nanti mereka mampu mengubah hidup mereka dan mereka yang pernah mengalami nasib hidup seperti mereka.

5.2.2 Domain II: Modal Insan

Domain ini terdiri daripada pihak peneraju yang terlibat dengan institusi pendidikan ini iaitu pengurusan kewangan, pengurusan institusi dan pengurusan pelajar dan kakitangan akademik. Pengurusan kewangan akan mengurus kewangan institusi. Kewangan yang diperolehi dalam institusi ini adalah sepenuhnya daripada dana zakat sama ada dari pusat zakat dan Majlis Agama Islam Negeri. Namun penyumbang utama adalah daripada zakat perniagaan yang dikeluarkan oleh syarikat yang menjalankan perniagaan berlandaskan syariah seperti Institusi perbankan Islam. Usaha untuk mendapatkan dana zakat daripada luar negara juga akan dirancang dari masa ke semasa bagi memastikan institusi pendidikan ini dapat berjalan dengan lancar dan melahirkan pelajar yang berkualiti dan mampu bersaing di peringkat dunia.

Sistem yang dilaksanakan bagi pengurusan institusi pula adalah mengikut hierarki di mana Guru Besar/Pengetua adalah sebagai penaung dalam mentadbir segala hal pentadbiran dan akademik. Sistem ini akan dibantu oleh Ahli Jawatankuasa Tertinggi dalam memperhalusi pengurusan yang lebih strategik. Manakala pengurusan pelajar merupakan pihak yang terlibat untuk mengurus pelajar daripada golongan fakir dan miskin yang mempunyai potensi dalam pendidikan dan ingin memajukan diri sendiri dalam meningkatkan taraf hidup ekonomi. Bagi pemilihan kakitangan akademik pula, pemilihan dan lantikan akan dibuat mengikut peraturan dan kelayakan yang ditetapkan seiring dengan silibus pengajaran yang ditawarkan.

5.2.3 Domain III: Struktur Pengajian

Domain ini terdiri daripada empat perkara utama iaitu kursus pengajian, aktiviti pelajar, jaminan kualiti dan pengiktirafan serta pendidikan sokongan pembelajaran dan penyelidikan. Kursus pengajian yang ditawarkan berteraskan kepada Pengajian Islam Kontemporari yang melibatkan Al-Quran, sains, teknikal dan hafazan. Bagi aktiviti pelajar, institusi ini turut mengadakan aktiviti ko-kurikulum dalam bentuk riadah dan rekreasi. Segala kemudahan dalam bersukan turut disediakan supaya mereka dapat melakukan aktiviti tersebut dengan baik. Selain itu, institusi ini juga terlibat dengan kesatuan seperti Kelab Silat dan Kelab Kompang. Persatuan kadet juga wujud dalam institusi ini seperti Persatuan Bulan Sabit Merah dan Persatuan Puteri Islam.

Institusi ini akan mewujudkan satu sistem jaminan kualiti dan pengiktirafan melalui proses audit dalam membuat pemfailan data pelajar untuk menunjukkan statistik peningkatan pembelajaran setiap pelajar. Penyusunan pentadbiran yang dilakukan perlulah sistematik supaya pelajar sentiasa di dalam pemantauan yang baik dalam menjana tenaga muda yang berkemampuan dalam mentadbir negara. Kualiti pembelajaran yang ditawarkan perlulah mengikut silibus yang telah ditetapkan dan diselaraskan dengan institusi-institusi yang lain.

Tenaga pengajar yang dilantik adalah dikalangan yang terlatih dan mempunyai pensijilan dalam pendidikan. Calon pelajar yang dipilih adalah antara yang layak menerima bantuan dalam dana zakat terutamanya fakir dan miskin. Terdapat juga pusat sumber, perpustakaan dan perkhidmatan penyelidikan bagi memudahkan pelajar dalam menambahkan pengetahuan mereka. Prasarana yang disediakan lengkap dengan segala peralatan pembelajaran mengikut keperluan pembelajaran semasa.

6. KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa penubuhan sebuah institusi pendidikan baharu yang dibiayai sepenuhnya oleh dana zakat boleh ditubuhkan memandangkan keperluan yang berterusan dalam menjamin pendidikan golongan asnaf zakat, dana kutipan zakat yang semakin meningkat dari tahun ke tahun dan juga menyatukan skim dan bantuan zakat pendidikan yang sedia ada di bawah satu bumbung yang diharap dapat menjamin keberkesanan agihan dan bantuan pendidikan kepada semua asnaf zakat di seluruh Malaysia. Di samping itu institusi pendidikan ini juga dapat memastikan golongan asnaf ini mendapat peluang pendidikan yang sama supaya mereka tidak ketinggalan atau keciciran dalam pelajaran disamping menjadi satu inovasi baharu dalam sistem agihan zakat yang membentuk sebuah institusi pendidikan sepenuhnya melalui pembiayaan dana zakat.

RUJUKAN

- Abd Halim, & Mohd Saladin. (2011). *Pengurusan Agihan Zakat, Fiqh Zakat Malaysia*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ). Malaysia: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Al-Quran. Al-Tawbah 9:60.
- Azman, A. R. (2010). *Pengagihan Zakat di Malaysia: Lembaga Zakat Selangor*. (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur.
- Bernama. (2013, Oktober 26). Peruntukan besar bukti pendidikan sandaran utama bangunan negara. *BERNAMA*. Diakses daripada <http://web10.bernama.com/budget2014/index.php?lang=my&sid=newsdetail&id=988622>.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). (2008). *Manual pengurusan agihan zakat*. Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Panduan Am Penubuhan Sekolah Antarabangsa Institusi Pendidikan Swasta*. Diakses daripada <http://www.moe.gov.my/v/garis-panduan>.
- Laporan Zakat Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. (2013). Diakses daripada <http://www.zakat.com.my/info-ppz/laporan/buku-laporan/239-2013>.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. (2013). *Laporan Kemajuan Kutipan dan Agihan Zakat di Kelantan bagi Tahun 2012*. Diakses daripada www.e-maik.my/v2/index.../info-zakat.html?...zakat
- Majlis Agama Islam Negeri Johor. (2014). Diakses daripada <http://www.maij.gov.my/>.
- Rahman, A. A., & Makhtar, A. W. (2011). Kelayakan dan kedudukan pelajar sebagai penerima zakat menurut perspektif Islam. *Jurnal Pengurusan Jawhar, Jabatan Wakaf, Zakat & Haji*, 5(1), 131-147.

- Sinar Harian. (2013, Februari 28). Tidak mampu bayar yuran, anak terpaksa berhenti sekolah. *Sinar Harian*. Diakses daripada <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/tidak-mampu-bayar-yuran-anak-terpaksa-berhenti-sekolah-1.135167>
- Tamuri, A. H., Mahmud, Z., & Bari, S. (2005). Permasalahan pelajar-pelajar fakir miskin di daerah Sabak Bernam, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 30, 21-33.